

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**

**KAWASAN : GERIK**

**NO. SOALAN : 45**

YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah Persidangan ASEAN 2015 yang akan berlangsung nanti mampu memberi impak yang positif kepada ekonomi negara kita dan kerjasama mata wang dalam memastikan jaringan ekonomi Malaysia sejajar dengan negara ASEAN yang lain.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada tahun ini, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN mempunyai tanggungjawab yang sangat besar dalam memastikan pembentukan Komuniti ASEAN yang merangkumi 3 tonggak, iaitu Komuniti Politik dan Keselamatan, Komuniti Ekonomi dan Komuniti Sosio-Budaya dapat dicapai dan diumumkan semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 yang akan

diadakan pada bulan November 2015 di Kuala Lumpur, Malaysia. Pembentukan Komuniti ini adalah penting dalam memacu ASEAN ke arah sebuah pertubuhan antarabangsa yang dinamik dan berdaya saing.

2. Bagi mencapai Komuniti Ekonomi ASEAN, ASEAN telah menggubal sebuah Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*AEC Blueprint*) pada tahun 2007. Pelan Tindakan AEC ini menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh ASEAN untuk mencapai sasaran sepenuhnya pada tahun 2015 iaitu :

- (i) mewujudkan ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pusat pengeluaran;
- (ii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan ekonomi yang berdaya saing;
- (iii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang saksama; dan
- (iv) memastikan ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global.

3. Pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN ini adalah penting bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan asing ke negara ASEAN. Selain itu, ia juga dapat membuka peluang dan memberi pendedahan kepada masyarakat ASEAN untuk meningkat dan memperolehi kemahiran dan pengetahuan yang tinggi melalui

pemindahan-pemindahan teknologi baru daripada pelabur-pelabur asing ini.

4. Pelaksanaan langkah-langkah pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN ini telah memberi impak yang positif kepada semua golongan terutamanya komuniti perniagaan di rantau ASEAN. Impak positif ini termasuklah :

- (i) memudahkan rangkaian pengeluaran dan meningkatkan kapasiti ASEAN untuk menjadi pusat pengeluaran global melalui aliran bebas barangan, perkhidmatan dan pelaburan;
- (ii) mempertingkatkan ekonomi ASEAN secara keseluruhan, iaitu dari 2007 hingga 2014, ekonomi ASEAN telah mencatatkan pertumbuhan secara purata sebanyak 5.1 peratus;
- (iii) mempertingkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN. ASEAN merupakan ekonomi ke-7 terbesar di dunia dan dijangkakan bahawa KDNK ASEAN akan mencapai US\$4 trilion pada tahun 2020;
- (iv) mempertingkatkan KDNK per kapita ASEAN yang mana KDNK ASEAN pada tahun 2014 telah mencatatkan sehingga US\$4,000;
- (v) perdagangan luar ASEAN telah meningkat pada tahun 2014 kepada US\$2.53 trilion dan perdagangan intra-ASEAN,

US\$608 bilion atau 24 peratus daripada jumlah perdagangan ASEAN; dan

- (vi) kemasukan pelaburan asing sentiasa meningkat dan pada tahun 2014, jumlah pelaburan asing yang dicatatkan adalah US\$136 bilion dan melebihi kemasukan pelaburan asing ke China.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Usaha-usaha yang diambil untuk memperkukuhkan integrasi ASEAN juga memberi manfaat dan impak yang positif kepada negara, terutamanya dari segi perdagangan dan pelaburan:

- (i) secara kolektif, ASEAN merupakan rakan perdagangan yang terbesar, dengan mencatatkan jumlah perdagangan sebanyak RM389 bilion atau 27 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia;
- (ii) eksport Malaysia ke pasaran ASEAN pada tahun 2014 pula meningkat sebanyak 5.8 peratus kepada RM213.58 bilion berbanding RM201.81 bilion pada tahun 2013;
- (iii) jumlah pelaburan negara-negara ASEAN juga telah meningkat, dengan jumlah pelaburan sebanyak US\$2.77 bilion pada tahun 2014. Negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan Filipina

telah mula melabur dan melihat Malaysia sebagai pasaran yang penting bagi pelaburan mereka;

- (iv) syarikat-syarikat Malaysia juga telah mengambil peluang untuk memperluaskan ekport serta mengembangkan operasi mereka ke negara-negara ASEAN. Syarikat-syarikat Malaysia telah mula melabur secara meluas di dalam bidang perbankan, perladangan, perhotelan dan pelancongan, industri penerbangan dan sektor perkilangan. Malaysia kini merupakan sebuah negara pelabur utama di negara-negara ASEAN;
- (v) kemasukan pelaburan asing juga membuka lebih peluang pekerjaan serta membolehkan ASEAN menarik lebih banyak teknologi-teknologi yang beritensifkan modal;
- (vi) membuka peluang untuk golongan pekerja mahir dan profesional Malaysia untuk bekerja di negara-negara ASEAN yang lain; dan
- (vii) kesalinghubungan yang semakin meningkat di kalangan negara-negara ASEAN juga telah membolehkan Malaysia menarik lebih banyak pelawat-pelawat dari negara-negara ASEAN yang lain, sama ada untuk melancong atau mendapatkan perkhidmatan perubatan.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Integrasi Kewangan ASEAN merupakan salah satu elemen penting ke arah pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN. Di bawah Pelan Tindakan AEC, integrasi kewangan bertujuan untuk menyatukan sistem kewangan serantau agar lebih bersepadu, dengan menghubungkan (*interlinked*) pasaran modal yang lebih liberal. Ini bagi memudahkan lebih banyak aliran perdagangan dan pelaburan di rantau ASEAN. Integrasi Kewangan ASEAN akan dapat dicapai melalui:

- (i) Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan, termasuklah integrasi perbankan. Inisiatif ini akan melibatkan penghapusan sekatan secara beransur-ansur ke atas pembekal-pembekal perkhidmatan kewangan ASEAN untuk pasaran di rantau ASEAN;
- (ii) Liberalisasi Akaun Modal, di mana sekatan dalam urus niaga pertukaran asing seperti dalam akaun semasa (*current account - CA*), pelaburan langsung asing (*foreign direct investments - FDIs*), pelaburan portfolio (*portfolio investments - PIS*) dan aliran lain (*other flows - OF*) akan dihapuskan secara beransur-ansur;
- (iii) Pembangunan Pasaran Modal melalui pembinaan kapasiti dan infrastruktur; dan
- (iv) Pengharmonian Sistem Bayaran dan Penyelesaian (*Harmonized Payments and Settlement Systems – PSS*).

7. Pada tahun 2011, Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN telah menggunakan Rangka Kerja Integrasi Kewangan ASEAN (*ASEAN Financial Integration Framework - AFIF*) yang menggariskan langkah-langkah umum bagi inisiatif liberalisasi dan integrasi di bawah AEC. Tujuan AFIF adalah untuk mewujudkan pasaran kewangan bersepadu ASEAN menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, ASEAN tidak mempunyai hasrat untuk mewujudkan mata wang tunggal (*single currency*) seperti yang dilaksanakan di Kesatuan Eropah.

8. Integrasi kewangan di bawah AFIF akan mengambil kira beberapa perkara penting seperti tempoh masa serta tahap pembangunan dan kesediaan di kalangan negara-negara ASEAN iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand (ASEAN 5) dan Brunei, Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam (BCLMV). Dalam usaha meliberalisasikan sektor kewangan, ASEAN juga sentiasa memberi keutamaan di dalam memelihara kestabilan kewangan dan pembangunan bina upaya (*capacity building*) terhadap negara-negara ASEAN yang kurang membangun seperti Kemboja, Lao PDR, dan Myanmar.

9. Inisiatif-inisiatif integrasi kewangan ASEAN ini dijangka dapat mengukuh dan meningkatkan lagi kecekapan institusi-institusi kewangan ASEAN serta dapat meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi di rantau ASEAN.